

Sekadar pandangan Tun Mahathir - Aziz Bari

IPOH 25 April - Pakar Perlembagaan, Dr. Abdul Aziz Bari berkata, dakwaan Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Perlembagaan negeri Johor dan Terengganu terbatal apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan sekadar pandangan Perdana Menteri.

Menurut Abdul Aziz, betul atau salah pandangan itu ia tidak penting kerana ia sekadar pendapat dan bukannya keputusan mahkamah.

Beliau berkata, ini berbeza jika keputusan mahkamah kerana sama ada betul atau salah maka ia perlu dipatuhi dan dilaksanakan.

Kata beliau, jika tidak hukuman akan dikenakan kerana menghina mahkamah.



ABDUL AZIZ BARI

“Jadi tidak patut timbul rasa cemas dengan pandangan Perdana Menteri itu. Dalam hal ini, Speaker DUN Johor semacam membayangkan perasaan itu.

“Tapi kalau dirasakan penting, isu Perlembagaan ini boleh dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Abdul Aziz, malah ada pendapat Mahathir yang jelas salah dan tidak mengikut Perlembagaan seperti dalam isu peranan Yang di-Pertuan Agong dalam pelantikan hakim beberapa hari lalu.

“Dalam isu ini, Yang di-Pertuan Agong perlu berbincang dengan Majlis Raja-Raja dan tidak hanya mengikut nasihat Perdana Menteri,” katanya.